



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

| NOMBOR TENDER | TAJUK | PENDAFTARAN PKK / LPIPM | TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK | HARGA DOKUMEN |
|------------------|--|--|--|---------------|
| UTeM/BEN/01/2011 | TENDER BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR SECARA INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA | 1. PKK : KELAS A (Kontraktor Tempatan Negeri Melaka Sahaja) Kepala I Sub - Kepala I dan Kepala II Sub - Kepala 2a 2. LPIPM (CIDB) : Gred G7 | Tarikh : 5 MEI 2011 Masa : 10.00 pagi Tempat : PEJABAT PEMBANGUNAN, KAMPUS INDUK, DURIAN TUNGGAL, UTeM (Lawatan Tapak adalah WAJIB) | RM 1,100.00 |

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan mulai 26 April 2011 sehingga tarikh tutup tender iaitu jam 12.00 tengahari, 23 Mei 2011 pada waktu pejabat di alamat seperti berikut:

| HARI | WAKTU | TEMPAT |
|----------------|--|---|
| Isnin - Khamis | 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang | Unit Perolehan Pejabat Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka |
| Jumaat | 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang | Kampus Induk 76100 Durian Tunggal, Melaka |

3. Dokumen Tender ini akan dikeluarkan dan dijual pada 5 Mei 2011 selepas taklimat dan lawatan tapak mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga 23 Mei 2011. Kehadiran dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**.
4. Penender dikehendaki membawa Sijil Pusat Khidmat Kontraktor, Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera yang **ASAL** dan sesalinan sijil tersebut (Salinan sijil tersebut tidak akan dikembalikan). Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam surat Pendaftaran Asal PKK, hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan Pegawai Eksekutif Syarikat.
5. Dokumen tersebut boleh didapati dengan mengemukakan bayaran secara Kiriman Wang/Wang Pos atau Bank Deraf atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**.
6. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis dengan Tajuk dan No. Tender di sudut atas sebelah kiri sampul surat serta dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada 23 Mei 2011 jam 12.00 tengahari, Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka di alamat tersebut di atas sebelum atau pada tarikh tutup berkenaan.

UNIT PEROLEHAN, PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06-331 6091/6322/6093/6095 FAKS : 06-331 6296/6101